

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 DECEMBER 2016

Landskap baharu hubungan Malaysia-Singapura

# Kereta api laju dimuktamadkan

UM-14/12/2016

Oleh **KAMIL MASLIH dan SOFIAN BAHAROM**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 13 DIS.**

**M**ALAYSIA dan Singapura hari ini memuktamadkan perjanjian bilateral Projek Kereta Api Laju Kuala Lumpur-Singapura (HSR) yang melambangkan komitmen kedua-dua negara untuk mengeratkan jaringan pengangkutan, aktiviti ekonomi serta hubungan rakyat dengan rakyat.

Perjanjian bersejarah tersebut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong serta barisan pimpinan dari kedua-dua negara.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan serta Menteri Penyelaras bagi Infrastruktur merangkap Menteri Pengangkutan Singapura, Khaw Boon Wan dalam Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-7 di Bangunan Per-



**Kami komited untuk tarikh siap projek ini pada tahun 2026 iaitu kira-kira 10 tahun lagi tetapi berdasarkan saiz dan bentuk kerumitannya, ini bermakna kita perlu bekerja rapat bersama-sama dan memberi tumpuan untuk mengatasi cabaran mendatang."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

dana Putra di sini.

Menurut Najib, langkah seterusnya adalah pengeluaran tender untuk pelantikan rakan kongsi pembangunan bersama bagi projek berkenaan yang akan dilakukan awal tahun hadapan serta pengeluaran tender sistem pada akhir 2017.

Beliau memberitahu, antara kandungan perjanjian yang ditandatangani hari ini adalah perincian projek berkenaan terhadap aspek teknikal, keperluan keselamatan, komersial, kewangan, perolehan, kerangka undang-undang serta urusan kastam, imigrasi dan kuarantin (CIQ).

"Kami komited untuk tarikh siap projek ini pada tahun 2026 iaitu kira-kira 10 tahun lagi tetapi berdasarkan saiz dan bentuk kerumitannya, ini bermakna kita perlu bekerja rapat bersama-sama dan memberi tumpuan untuk mengatasi cabaran mendatang.

"Saya tahu rakyat teruja mengenai dengan bandar-bandar dalam sistem jaringan HSR ini akan mendapat peningkatan ketara dari segi aktiviti ekonomi dan pastinya projek ini akan membuka landskap baru dari segi hubungan dua hala Malaysia dan Singapura," katanya dalam sidang akhbar bersama Hsien Loong di sini hari ini.

Projek HSR yang merupakan landasan kereta api sepanjang 350 kilometer akan menghubungkan

bandar raya Singapura dengan Kuala Lumpur dalam tempoh 90 minit serta mempunyai lapan stesen iaitu Bandar Malaysia, Putrajaya, Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat, Iskandar Puteri dan Singapura.

Komitmen tinggi ditunjukkan pemimpin kedua-dua negara terhadap merealisasikan projek itu yang mula diumumkan pada Februari 2013 dan diperkukuhkan menerusi memorandum persefahaman (MoU) kedua-dua negara yang ditandatangani pada 19 Julai lalu.

Dalam pada itu, menurut Hsien Loong, perjanjian itu merupakan pencapaian besar untuk pelaksanaan projek HSR dan beliau yakin projek tersebut menarik minat ramai kontraktor dari seluruh dunia.

"Perjalanan kita masih panjang kerana projek ini sifatnya agak kompleks tetapi kita membuat komitmen untuk jangka panjang dan kedua-dua pihak mempunyai kemahuan politik yang tinggi untuk memastikan projek ini berjaya," katanya.